

Lima model dalam tempoh 7 tahun bukti keupayaan — PM

UM 5 AUG 2001

Oleh HAKIM TANZIMUDDIN dan HAMDEN RAMLI

RAWANG 4 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kejayaan Perusahaan Otomobil Kedua (Perodua) menghasilkan lima model kereta dengan jumlah keluaran sebanyak 500,000 dalam tempoh tujuh tahun operasinya membuktikan rakyat Malaysia mempunyai keupayaan untuk belajar dalam masa yang singkat.

Perdana Menteri berkata, dalam tempoh singkat itu,

Perodua telah berjaya menunjukkan peningkatan dalam pelbagai bidang seperti Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) dengan menghasilkan model baru serta bekerjasama untuk mengeluarkan model kereta masa depan.

Selain itu, katanya, keadaan kilang Perodua juga telah menunjukkan banyak perubahan dan dilengkapi dengan peralatan pembuatan yang canggih.

“Dari segi enjin pula saya mendapati Perodua kini telah mampu untuk mengha-

silkan hampir keseluruhan komponen enjin di kilang ini kecuali bahagian transmisi.

“Ini menunjukkan kita mempunyai keupayaan untuk belajar dalam jangka masa pendek,” katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan pengeluaran kenderaan Perodua ke-500,000 di kilang Perodua di sini, hari ini.

Kenderaan ke-500,000 itu merupakan sebuah kereta Kelisa, model terbaru keluaran Perodua.

Acara tersebut merupakan sebahagian daripada aturca-

ra lawatan tidak rasmi beliau ke kilang Perodua.

Dalam lawatan dua jam itu Dr. Mahathir turut menyempurnakan perasmian prapelancaran Kelisa, model kelima keluaran Perodua.

Sebelum ini Perodua telah menghasilkan Kancil, Rusa, Kembara dan Kenari.

Semasa lawatan itu juga Perdana Menteri turut merasmikan bahagian kedua membuat kepala silinder enjin yang mampu meningkat

■ Lihat muka 4

Lima model dalam tempoh 7 tahun bukti keupayaan — PM

kan pengeluaran keseluruhan kepala silinder enjin kepada 130,000 unit setahun berbanding hanya 60,000 unit sebelum ini.

Sementara itu mengulas mengenai model Kelisa, Perdana Menteri berkata, beliau yakin model berkenaan akan diterima baik oleh peminat kereta di negara ini.

Ini kerana katanya Kelisa mempunyai reka bentuk yang menarik dan dijual pada harga sederhana.

Sementara itu Pengarah Urusan Perodua, Datuk Ab. Rahman Omar berkata, Kelisa yang dihasilkan menggunakan 57 peratus bahan tempatan akan dilancarkan pada 24 Ogos ini.

Katanya, orang ramai boleh membuat tempahan Kelisa mulai Isnin ini.

“Ia akan dijual pada harga di antara RM36,000.00 sehingga RM39,000.00,” katanya.

Pada majlis itu Ab. Rahman mewakili Perodua telah menghadiahkan Kelisa yang merupakan keluaran ke-500,000 syarikat itu kepada Dr. Mahathir